

**MATA PELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM DAN KESANNYA
TERHADAP PENINGKATAN DISIPLIN PELAJAR:
KAJIAN DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN
NEGERI PERLIS**

MOHD. ROSDI BIN MAHAMUD

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2009

**MATA PELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM DAN KESANNYA
TERHADAP PENINGKATAN DISIPLIN PELAJAR :
KAJIAN DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN
NEGERI PERLIS**

oleh

MOHD. ROSDI BIN MAHAMUD

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Julai 2009

PENGHARGAAN

Syukur kepada Allah s.w.t kerana dengan izin dan *inayah*Nya penyelidik dapat menyiapkan tesis yang bertajuk Mata pelajaran Pendidikan Islam Dan Kesannya Terhadap Peningkatan Disiplin Pelajar : Kajian Di Sekolah-Sekolah Menengah Kebangsaan Negeri Perlis.

Ucapan reima kasih yang tidak terhingga penyelidik lafazkan kepada Dr. Atikullah Hj. Abdullah sebagai penyelia utama dan Dr. Mohamad Khairul Anwar Othman sebagai penyelia bersama yang terlalu banyak membimbing, memberi tunjuk ajar dan cadangan serta teguran membina sepanjang kajian ini dijalankan.

Disamping itu, penyelidik tidak lupa merakamkan ucapan terima kasih kepada Dr, Tajul Aripin Kassin, Bahagian Pengajian Melayu, PPIK USM, En. Muhamad Paris Arshad, En. Zainal Ariff, En. Jamaluddin Abdullah dan En. Zahir Hussin yang telah banyak membantu dalam beberapa perkara yang diperlukan dalam kajian ini. Seterusnya penyelidik mengucapkan terima kasih kepada semua staf dan kakitangan PPIK USM, rakan-rakan di Institut Perguruan Perlis, pihak Jabatan Pelajaran Negeri Perlis, pentadbir, guru Pendidikan Islam, guru disiplin, guru kaunseling dan semua guru-guru di SMK negeri Perlis yang terlibat atas kerjasama yang diberikan dengan sepenuhnya selama penyelidik menyiapkan kajian ini.

Akhirnya, penyelidik merakamkan terima kasih yang tidak berbelah bagi terhadap isteri tercinta Ety Nursanti berserta anak-anak, Adlani, Amrullah dan Ansarullah yang sabar melayan pelbagai karenah penyelidik sepanjang menjalankan kajian ini.

Wassalam

Mohd. Rosdi Mahamud
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia. Pulau Pinang
(February 2009)

SUSUNAN KANDUNGAN

	Muka surat
PENGHARGAAN	ii
JADUAL KANDUNGAN	iii
SENARAI RUJUKAN	vii
SENARAI LAMPIRAN	vii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SISTEM TRANSLITERASI PERKATAAN ARAB	xiv
ABSTRAK	xvi
ABSTRACT	xviii
BAB SATU : PENDAHULUAN	
1.0 PENGENALAN	1
1.1 PERNYATAAN MASALAH	5
1.2 OBJEKTIF KAJIAN	10
1.3 PERSOALAN KAJIAN	10
1.4 KEPENTINGAN KAJIAN	12
1.5 REKA BENTUK KAJIAN	13
1.6 BATASAN KAJIAN	14
1.7 DEFINISI ISTILAH KAJIAN	17
1.7.1 Pendidikan	17
1.7.2 Islam	18
1.7.3 Pendidikan Islam	20
1.7.4 Peningkatan Disiplin	22
BAB DUA : SOROTAN KAJIAN	

2.0	PENGENALAN	26
2.1	PELAKSANAAN PENDIDIKAN ISLAM	26
2.2	PERMASALAHAN DISIPLIN	38
2.4	KESIMPULAN	52

BAB TIGA : METODOLOGI KAJIAN

3.0	PENGENALAN	54
3.1	KAEDAH KAJIAN	55
3.2	POPULASI	57
3.3	PERSAMPELAN	58
3.4	SUMBER DATA	60
3.5	ALAT KAJIAN	61
	3.5.1 Aspek Soal Selidik	62
	3.5.1.1 Bahagian A. Maklumat Responden	62
	3.5.1.2 Bahagian B. Persepsi Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Pendidikan Islam	63
	3.5.1.3 Bentuk Soalan-soalan Dalam Soal Selidik	63
3.6	KAJIAN RINTIS	65
3.7	PENGUMPULAN DATA	66
3.8	ANALISIS DATA	67
	3.8.1 Skala Likert	67
	3.8.2 Peratusan	67
3.9	KESIMPULAN	68

BAB EMPAT : PENDIDIKAN ISLAM DI MALAYSIA

4.0	PENGENALAN	69
4.1	FALSAFAH DAN TUJUAN PENDIDIKAN ISLAM	70
4.1.1	Falsafah Pendidikan Islam	72
4.1.2	Tujuan Pendidikan Islam	81
4.1.3	Tauhid Sebagai Tunjang Pendidikan Islam	89
4.2	PERKEMBANGAN PENDIDIKAN ISLAM DI MALAYSIA	94
4.2.1	Sistem Belajar Di Rumah Guru	97
4.2.2	Sistem Pondok	99
4.2.3	Sistem Madrasah	101
4.2.4	Sistem sekular	102
4.3	PELAKSANAAN PENDIDIKAN ISLAM DI MALAYSIA	104
4.3.1	Pendidikan Islam dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM)	109
4.3.2	Falsafah Pendidikan Islam KBSM	112
4.3.3	Matlamat Pendidikan Islam KBSM	114
4.3.4	Kandungan Kurikulum Pendidikan Islam KBSM	117
4.3.4.1	Bidang Pembelajaran Tilawah al Quran dan Hadis	118
4.3.4.2	Bidang Pembelajaran Ulum Syar ^c iyah	118
4.3.4.3	Bidang Pembelajaran Adab Berteraskan Akhlak Islamiyah	119
4.4	PELAKSANAAN PENDIDIKAN ISLAM DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN NEGERI PERLIS	119
4.4.1	Kaedah Umum Mengajar	120
4.4.1.1	Kaedah Tradisional	122
4.4.1.2	Kaedah Subjektivis/Relativis	125
4.4.1.3	Kaedah Rasionalis	128
4.4.2	Peruntukan Masa	132
4.4.3.	Penggunaan Alat Bantu Mengajar (ABM)	139
4.5	KESIMPULAN	142

BAB LIMA : PERKEMBANGAN DISIPLIN PELAJAR

5.0	PENGENALAN	145
5.1	KONSEP DISIPLIN	145
5.1.1	Definisi Disiplin	148
5.1.2	Hubungan Antara Disiplin dan Akhlak	153
5.1.3	Disiplin Menurut Pandangan Islam	159
5.1.3.1	Kekuatan disiplin Dalam Islam	161
5.1.3.2	Disiplin Berasaskan taqwa	172
5.2	PERKEMBANGAN DISIPLIN PELAJAR	187
5.2.1	Isu-isu Disiplin Pelajar	210
5.3	REALITI PERMASALAHAN DISIPLIN PELAJAR- PELAJAR SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DI NEGERI PERLIS	193
5.4	FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI DISIPLIN PELAJAR	204
5.4.1	Peranan Institusi Keluarga	206
5.4.2	Peranan Pihak sekolah	211
5.4.3	Peranan Pemerintah (Kerajaan)	216
5.5	DISIPLIN MEMBENTUK SIKAP DAN PERIBADI PELAJAR	220
5.6	KESIMPULAN	224

BAB ENAM : DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

6.0	PENGENALAN	225
6.1	CIRI-CIRI SAMPL KAJIAN	226
6.2	ANALISIS KEPUTUSAN KAJIAN	228
6.2.1	Persepsi Pelajar Terhadap Mata Pelajaran Pendidikan Islam Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran	229
6.2.2	Peranan Guru Pendidikan Islam Ke Arah Pembentukan Disiplin Pelajar	244
6.2.3	Hubungan Mata Pelajaran Pendidikan Islam Dengan Peningkatan Disiplin Pelajar	249

6.3	IMPLIKASI DAN RUMUSAN HASIL KAJIAN	288
6.3.1	Persepsi Pelajar dan Peranan Guru Pendidikan Islam Ke Arah Pembentukan Disiplin Pelajar	288
6.3.2	Hubungan Mata Pelajaran Pendidikan Islam Dengan Peningkatan Disiplin Pelajar	292
6.4	KESIMPULAN	323

BAB TUJUH : PENUTUP

7.0	Pengenalan	303
7.1	KESIMPULAN	304
7.2	SARANAN DAN CADANGAN	309
7.2.1	Cadangan Berkaitan Mata Pelajaran Pendidikan Islam	310
7.2.2	Cadangan Untuk Berkaitan Pemantapan Disiplin Pelajar	313
7.2.3	Cadangan Untuk Kajian Selanjutnya	317

SENARAI RUJUKAN	319
------------------------	------------

LAMPIRAN

Lampiran A ; Surat sokongan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan USM untuk menjalankan kajian.	333
Lampiran B ; Surat sokongan Jabatan Pelajaran Negeri Perlis.	335

SENARAI JADUAL

JADUAL		MUKA SURAT
1.1	Jumlah kes salah laku pelajar	8
3.2	Bilangan sekolah dan jumlah pelajar yang terlibat	58
3.3	Jumlah pelajar kategori sekolah harian.	60
3.4	Jumlah instrumen kajian yang diedarkan	61
4.5	Kewujudan Sekolah Agama dan Sekolah Inggeris	102
4.6	Jadual waktu sekolah menengah harian	137
5.7	Perbandingan pematuhan disiplin berdasarkan faktor iman dan penguatkuasaan undang-undang	170
5.8	Konsep kepatuhan dan pelanggaran disiplin dari segi akibat dan sumber akibat	170
5.9	Laporan bilangan kes salah laku pelajar	195
5.10	Kategori Kesalahan Ponteng	195
5.11	Kategori kesalahan : tidak jujur	195
5.11	Kategori kesalahan ; tidak pentingkan masa	196
5.12	Kategori kesalahan : tingkah laku jenayah	196
5.13	Kategori kesalahan : tngkah laku lucah	196
5.14	Kategori kesalahan : kekemasan diri	197
5.15	Kategori kesalahan : Kenakalan	197
5.16	Kategori kesalahan : kurang sopan	197
5.17	Kategori kesalahan : tingkah laku musnah	198
5.18	Kategori kesalahan : lain-lain	198
5.19	Data penglibatan kesalahan disiplin pelajar dan keputusan ujian URIN (2006)	199
6.1.1	Taburan sampel mengikut jantina	227
6.1.2	Taburan sampel mengikut jantina bagi setiap sekolah	227

6.2.1.1	Minat terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam	229
6.2.1.2	Mata pelajaran Pendidikan Islam mudah dan menarik	230
6.2.1.3	Sukatan pelajaran Pendidikan Islam kurang memberi penekanan terhadap disiplin dan tingkah laku pelajar.	231
6.2.1.4	Suka membaca dan mengambil tahu berkaitan Pendidikan Islam	232
6.2.1.5	Kesan mata pelajaran Pendidikan Islam terhadap kepekaan dalam perkara-perkara berkaitan hukum halal dan haram.	233
6.2.1.6	Pendidikan Islam menghalang kebebasan	234
6.2.1.7	Suka kepada mata pelajaran Pendidikan Islam walaupun tidak menarik	235
6.2.1.8	Mata pelajaran Pendidikan Islam dapat meningkatkan disiplin diri.	236
6.2.1.9	Pendidikan Islam perlu dijadikan matapelajaran wajib	237
6.2.1.10	Mengikuti kelas berkaitan Pendidikan Islam walaupun setelah tamat persekolahan	238
6.2.1.11	Mata pelajaran Pendidikan Islam sangat membosankan	239
6.2.1.12	Pendidikan Islam hanya untuk lulus peperiksaan sahaja.	239
6.2.1.13	Mata pelajaran Pendidikan Islam tidak dapat membentuk Muslim soleh.	240
6.2.1.14	Tidak suka dengan amali Pendidikan Islam	241
6.2.1.15	Melakukan perkara-Perkara yang melanggar hukum-hukum Islam	242
6.2.2.1	Tingkah laku guru Pendidikan Islam mencerminkan disiplin yang baik.	244
6.2.2.2	Guru Pendidikan Islam banyak memberi dorongan dan tunjuk ajar tentang disiplin hidup	245
6.2.2.3	Guru Pendidikan Islam tidak mengambil berat masalah disiplin pelajar	246

6.2.2.4	Kurang mengaitkan isi pelajaran dengan aspek disiplin	247
6.2.2.5	Penyampaian guru Pendidikan Islam tidak menarik.	247
6.2.3.1	Memberi tumpuan sepenuhnya terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam walaupun tidak wajib lulus	250
6.2.3.2	Mata pelajaran Pendidikan Islam sama penting dengan subjek lain.	251
6.2.3.3	Sukar mempraktikkan amalan-amalan baik	252
6.2.3.4	Mata pelajaran Pendidikan Islam berjaya melatih diri saya menghindari daripada melakukan perkara yang diharamkan	253
6.2.3.5	Mata pelajaran Pendidikan Islam tidak meyakinkan	254
6.2.3.6	Mengetahui tentang sifat <i>mazmumah</i> melalui mata pelajaran Pendidikan Islam	255
6.2.3.7	Lebih bertanggungjawab setelah mempelajari mata pelajaran Pendidikan Islam	256
6.2.3.8	Hati lebih terbuka untuk mengerjakan solat lima waktu.	257
6.2.3.9	Tidak dapat melakukan sifat-sifat <i>mahmudah</i> dengan sempurna	258
6.2.3.10	Ikhlas memberi pertolongan kepada orang yang memerlukan	259
6.2.3.11	Mata pelajaran Pendidikan Islam mendorong melakukan aktiviti berfaedah	260
6.2.3.12	Tiada perubahan positif terhadap disiplin dan akhlak	261
6.2.3.13	Lulus cemerlang mata pelajaran Pendidikan Islam, bukanlah pengukur seseorang pelajar itu berdisiplin	262
6.2.3.14	Menjadi lebih ikhlas untuk belajar bersungguh-sungguh	263
6.2.3.15	Pendidikan Islam menggalakkan berdoa untuk ketenangan jiwa dan kemantapan disiplin diri	264
6.2.3.16	Pendidikan Islam tidak dapat mengatasi keruntuhan disiplin pelajar	266

6.2.3.17	Guru-guru Pendidikan Islam tidak mampu menangani masalah keruntuhan disiplin pelajar	267
6.2.3.18	Suka membazir masa	268
6.2.3.19	Masih melakukan perkara tidak bermoral	269
6.2.3.20	Masih tidak mementingkan aurat dalam berpakaian	270
6.2.3.21	Masih tidak mementingkan suruhan agama	271
6.2.3.22	Masih berpeleseran dan bercumbuan tanpa mempedulikan perhatian umum	272
6.2.3.23	Masih berfikir dan kurang yakin dengan amalan baik yang dilakukan	273
6.2.3.24	Kemerosotan disiplin pelajar disebabkan pengaruh artis	274
6.2.3.25	Kemerosotan disiplin pelajar disebabkan pengaruh pemimpin	275
6.2.3.26	Kemerosotan disiplin pelajar disebabkan pengaruh ahli akademik	276
6.2.3.27	Kemerosotan disiplin pelajar disebabkan pengaruh media elektronik	277
6.2.3.28	Kemerosotan disiplin pelajar disebabkan pengaruh media cetak	278
6.2.3.29	Kemerosotan disiplin pelajar disebabkan pengaruh masyarakat setempat	279
6.2.3.30	Diri sendiri bertanggungjawab mengatasi masalah keruntuhan disiplin	281
6.2.3.31	Ibu bapa bertanggungjawab mengatasi masalah keruntuhan disiplin	282
6.2.3.32	Guru-guru bertanggungjawab mengatasi masalah keruntuhan disiplin	283
6.2.3.33	Rakan sebaya bertanggungjawab mengatasi masalah keruntuhan disiplin	284

6.2.3.34	Masyarakat umum bertanggungjawab mengatasi masalah keruntuhan disiplin	285
6.2.3.35	Kerajaan bertanggungjawab mengatasi masalah keruntuhan disiplin pelajar	286

SENARAI RAJAH

RAJAH		MUKA SURAT
1.1	Organisasi reka bentuk kajian	14
4.2	Tujuan operasional Pendidikan Islam	88
4.3	Pendidikan Islam meliputi semua aspek kehidupan	93
4.4	Pendidikan Islam bersifat menyeluruh	108
4.5	Kesepaduan mata pelajaran Pendidikan Islam dalam KBSM	112
4.6	Kesan proses pengajaran dan pembelajaran	132
4.7	Keperluan asas proses pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran	142
5.8	Keperluan manusia kepada kecerdasan agama	168
5.9	Hubungan antara rumah (keluarga), sekolah dan pemerintah	205

SENARAI SINGKATAN

ABM	Alat Bantu Mengajar
BPG	Bahagian Pendidikan Guru
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
JAPIM	Jabatan Pendidikan Islam dan Moral
JERI	Jasmani, emosi, rohani dan intelek
JKKMDP	Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Dasar Pelajaran
JKMSK	Jawatankuasa Kabinet Mengenai Masalah Sosial Kebangsaan
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
KBSM	Kurikulum Baru Sekolah Menengah
KLSM	Kurikulum Lama Sekolah Menengah
NGO	Non Governmental Organization
NUTP	The National Union of Teachers Profession (Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan)
PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
PMR	Penilaian Menengah Rendah
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SUHAKAM	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya

SISTEM TRANSLITERASI PERKATAAN ARAB
(Tesis ini menggunakan sistem transliterasi British Library)

HURUF ARAB	HURUF LATIN	CONTOH ASAL	CONTOH TRANSLITERASI
ء	'	سأل	sa'ala
ب	b	بدل	badala
ت	t	تمر	tamr
ث	th	ثورة	thawrah
ج	j	جمال	jamal
ح	h	حديث	hadith
خ	kh	خالد	khalid
د	d	ديوان	diwan
ذ	dh	مذهب	madhhab
ر	r	رحمن	rahman
ز	z	زمزم	zamzam
س	s	سراب	sarab
ش	sh	شمس	shams
ص	s	صبر	sabr
ض	d	ضمير	damir
ط	t	طاهر	tahir
ظ	z	ظهر	zuhr
ع	c	عبد	°abd
غ	gh	غيب	ghayb
ف	f	فقه	fiqh
ق	q	قاضي	qadi
ك	k	كأس	ka's
ل	l	لبن	laban
م	m	مزمار	mizmar
ن	n	نوم	nawm
هـ	h	هبط	habata
و	w	وصل	wasl
ي	y	يسار	yasar

VOKAL

Vokal Pendek

HURUF ARAB	HURUF LATIN	CONTOH ASAL	CONTOH TRANSLITERASI
	a	فَعَلَ	fa'ala
	i	حَسِبَ	hasiba
	u	كُتِبَ	kutiba

Vokal Panjang

اَ , اِ	a	كاتب , قاضي	katib , qada
يَ	i	كريم	karim
وَ	u	حروف	huruf

Diftong

اَوْ	aw	قول	qawl
اَيَ	ay	سيف	sayf
اَيَّ , اِيَّ	iyy	رجعي	raj ^o iyy atau raj ^o i
اُوَّ	uww	عدو	^o aduww atau ^o adu

**MATA PELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM DAN KESANNYA TERHADAP
PENINGKATAN DISIPLIN PELAJAR : KAJIAN DI SEKOLAH-SEKOLAH
MENENGAH KEBANGSAAN NEGERI PERLIS**

ABSTRAK

Matlamat unggul dalam pendidikan menurut Islam ialah untuk melahirkan individu mulia yang cemerlang di dunia dan akhirat. Sehubungan itu timbul beberapa persoalan khususnya berkaitan keberkesanan mata pelajaran Pendidikan Islam yang diajar di sekolah-sekolah hari ini. Walaupun proses pengajarannya telah lama berjalan, namun realiti terhadap disiplin pelajar-pelajar semakin merosot. Dengan itu, satu kajian perlu dilakukan untuk kenalpasti sejauhmana keberkesanan mata pelajaran Pendidikan Islam seperti yang diajar di sekolah-sekolah hari ini dalam usaha untuk meningkatkan disiplin pelajar dan seterusnya mencapai matlamat unggul untuk melahirkan insan kamil.

Dalam menjalankan penyelidikan ini, penyelidik berusaha mengumpul data melalui kaedah kepustakaan dan kajian lapangan. Dalam kajian lapangan, penyelidik menggunakan kaedah soal selidik , pemerhatian dan temu bual. Data yang dikumpul, dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan program SPSS (*Statistic Packages for the Social Sciences*).

Secara amnya, hasil kajian ini mendapati bahawa kemerosotan disiplin di kalangan pelajar sekolah menengah kebangsaan di negeri Perlis bukanlah disebabkan oleh kelemahan dalam pelaksanaan kurikulum mata pelajaran Pendidikan Islam. Malah kajian ini menunjukkan bahawa proses pelaksanaan mata pelajaran Pendidikan Islam telah memberi kesan yang positif secara menyeluruh mencakupi aspek-aspek fizikal, mental, rohani dan emosi.

Sebaliknya, berdasarkan kajian ini kemerosotan dan keruntuhan disiplin yang semakin parah melanda pelajar-pelajar hari ini adalah berpunca daripada pengaruh-pengaruh luar atau persekitaran yang tidak terkawal dan juga akibat daripada kelemahan serta kegagalan institusi keluarga, pihak pentadbir sekolah dan pihak berkuasa yang berkenaan dalam memainkan peranan mereka.

**THE ISLAMIC EDUCATION SUBJECT AND ITS IMPACT ON THE
IMPROVEMENT OF STUDENTS' DISCIPLINE: A STUDY ON NATIONAL
SECONDARY SCHOOLS IN PERLIS**

ABSTRACT

The main objective of education in Islam is to produce noble and excellence individual in this world and the hereafter. In connection with this, there are a few questions arise especially in related to the effectiveness of the Islamic Education subject thought in the school today. The learning process had been going on for a long time but the reality shows that disciplines of the students are declining. A study should be carried out to identify the effectiveness of the Islamic Education subject in order to increase the disciplines of the students and to produce so called noble human being.

In conducting this study, researcher had collected data using library research and field work methods. In the field work, researcher should used the questionnaire, observation and interview methods. The data then analyzed descriptively using SPSS Program (Statistic Packages for the Social Sciences).

Generally, the result of this study shows that the declining of disciplines among students in Perlis especially in the secondary schools is not because of the weakness in conducting the curriculum of the Islamic Education subject. In fact, the subject managed to give positive effect physically, mentally, spiritually and emotionally.

On the contain study also shows that the declining of disciplines among students today is as the result of foreign influences and uncontrolled surrounding due to the failure of family institution, school's administration and the authorities to play their roles.

BAB 1

PENDAHULUAN


الحمد لله رب العلمين

الصلاة والسلام على سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين

1.0 PENGENALAN

Pendidikan merupakan asas utama dalam pembentukan tamadun manusia, sifat dan corak sesuatu tamadun itu adalah berdasarkan kepada falsafah dan pendekatan sistem pendidikan itu sendiri. Peranan pendidikan bergantung erat pula kepada peradaban sesuatu bangsa itu serta tujuan atau matlamat yang bakal ditujui. Setiap negara di dunia ini mempunyai undang-undang dan falsafah masing-masing yang akan mewarnai perjalanan masyarakatnya agar menjadi warga yang beradab dan sentiasa berusaha mengekalkan kebaikan dan kecemerlangan hidup.

Agama Islam amat menitikberatkan semua bidang yang berkaitan dengan pendidikan meliputi setiap aspek rohani, jasmani, mental dan fizikal serta menggalakkan penganutnya merebut peluang-peluang keilmuan tanpa mengira perbezaan lahir baik lelaki mahu pun perempuan. Ini bersesuaian dengan firman Allah :



”Dia lah yang telah mengutuskan dalam kalangan orang-orang (Arab) yang *‘Ummiyyin*, seorang Rasul (Muhammad) dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah

(membuktikan keesaan kekuasaanNya), dan membersihkan mereka (dari kesesatan) serta mengajarkan mereka Kitab Allah dan Hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum Syara^c) dan sesungguhnya sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) mereka berada dalam kesesatan yang nyata". (QS 62 : 2)

Oleh itu, jika difahami tentang hala tuju Pendidikan Islam dari segi individual, adalah bertujuan menjadikan manusia muslim dan mukmin yang sempurna (*insan kamil*).¹ Di samping itu, menjadi seorang hamba yang mampu bertindak sebagai *khalifah* serta sentiasa melaksanakan tanggungjawab dan amanah.

Manakala secara kolektifnya pula, Pendidikan Islam berperanan membangkitkan suasana atau keadaan yang dapat membantu manusia dalam melaksanakan tugas kehidupannya sebagai khalifah Allah. Justeru itu, lahirlah cita-cita dalam Pendidikan Islam yang mahu membentuk tamadun manusia bagi mencapai ketinggian hidup, iaitu sebagai khalifah Tuhan di muka bumi disamping menjadi hamba yang taat.² Berkaitan hal tersebut, Rasulullah s.a.w bersabda :

" ان مما يلحق المؤمن من عمله علما علمه ونشره "

(رواه مسلم)³

¹ 'Insan Kamil' dari istilah arab " انسان كامل " yang dipetik dari huraian istilah ilmu *tasawuf* membawa maksud manusia yang sempurna yang diperuntukkan bagi seseorang yang telah mencapai tahap kesucian rohani dan jasmani dalam melaksanakan tugas-tugas duniawi dan mereka akan sentiasa tunduk patuh terhadap perintah Allah semata-mata tanpa ada rasa keingkaran walaupun sebesar *zarrah*. Lihat H.Achmad Roestandi SH.1993. *Ensiklopedi Dasar Islam*. Jakarta PT Pradnya Paramita : 110

Manakala menurut pengertian yang dijelaskan dalam *Encyclopaedia of Islam* istilah 'Insan Kamil' membawa maksud ; sikap atau perbuatan yang sempurna serta sesuai dengan kehendak Allah setiap ketika dan tidak dipengaruhi oleh unsur-unsur lain. Namun ia semata-mata kerana tunduk kepada perintah Allah dan sentiasa menjaga peribadinya, memurnikan kehendaknya dan mensucikan hatinya. Lihat Cyril Glasse.1989. *The Concise Encyclopaedia of Islam*. London. Stacey International : 168-169

Penyelidik menyimpulkan bahawa 'insan kamil' adalah manusia yang mempunyai sifat sentiasa akur akan perintah Allah swt dan tidak sekali-kali mengingkarinya dalam apa-apa situasi pun sama ada dalam bentuk rohani ataupun jasmani. Berdasarkan tajuk ini, penyelidik akan mengaitkan ciri-ciri *insan kamil* tersebut dalam diri para pelajar sebagai suatu agenda asas dalam pembentukan peribadi yang berdisiplin, sesuai dengan firman Allah dalam surah Muhammad ayat 5 bermaksud "Allah akan memimpin mereka yang berjuang (pada jalanNya) dan menjadikan keadaan mereka baik dan berguna (di dunia dan akhirat)".

² Muhammad ^cUthman El Muhammadi.1979. *Peranan Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur.PBMTT :107

³ Sunan Ibn Majah. tt. *Kitab al-Muqaddimah, Bab Thawab Mu'allim al-Nas al-Khayr* : 24

“diantara perkara yang menyertai (mengiringi) amal seseorang yang beriman adalah ilmu yang diajarkan kemudian disebarkan”

" أفضل الصدقة أن يتعلم المرء المسلم علما ثم يعلمه لأخيه المسلم " ⁴

“sedekah yang paling utama adalah usaha seseorang muslim dalam mempelajari ilmu pengetahuan, kemudian mengajarkan kepada saudaranya yang muslim ”

Berdasarkan kepada fungsi dan hala tuju tersebut, sistem Pendidikan Islam telah diberi perhatian khusus sejak sebelum merdeka sehinggalah negara mencapai kemerdekaan. Berpandukan Dasar Pelajaran Kebangsaan yang termaktub dalam Akta Pelajaran 1961 yang berasaskan Penyata Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib 1960 menumpukan aspek-aspek berkaitan dengan perpaduan negara dan penghasilan tenaga rakyat. Melalui Akta Pelajaran 1961 seksyen 36 (1) telah diperuntukkan supaya Pendidikan Agama Islam diajar kepada murid-murid yang beragama Islam sekiranya terdapat 15 orang atau lebih di sesebuah sekolah.⁵ Pendidikan Agama Islam bertujuan mewujudkan masyarakat berdisiplin yang mempunyai ketinggian akhlak.

Unsur disiplin dan akhlak ini merupakan asas kukuh bagi membentuk sebuah masyarakat yang bersatu padu kerana isi kandungannya menerapkan nilai-nilai dan sikap hidup yang baik serta membentuk kelakuan bersopan santun dan hormat menghormati diantara satu sama lain.⁶

⁴ Ibid : 78

⁵ Berdasarkan kepada akta tersebut mata pelajaran Pendidikan Islam wajib diajarkan kepada semua murid sekolah yang beragama Islam. Dengan termaktubnya akta itu murid yang beragama Islam tidak akan terlepas daripada mempelajari dan mengikuti matapelajaran tersebut. Secara terperinci akta tersebut dicatatkan sebagai berikut ; “ *where in school in receipt of grant – in – aid there are fifteen or more pupils professing the Islamic religion, such pupils shall be instructed in the tenets of that religion by religious teachers approved by State Authority* ”. Untuk keterangan lebih lanjut, lihat Kementerian Pelajaran Malaysia 1982. Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran. Kuala Lumpur. DBP

⁶ Ibid : 71 - 72

Oleh itu, berpandukan kepada kemampuan mata pelajaran Pendidikan Islam dalam menanamkan nilai-nilai murni, khususnya membentuk sikap dan kelakuan, terutama dalam konteks perubahan akhlak yang mampu mendidik para pelajar agar sentiasa berhemah dan berdisiplin, maka tidak hairanlah sukatan kurikulumnya sentiasa dirangka dan dikaji dari satu tahap ke satu tahap untuk memenuhi tujuan Pendidikan Kebangsaan seperti berikut ;⁷

“Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani dan jasmani berdasarkan kepada kepercayaan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara”

Kandungan tujuan Pendidikan Kebangsaan sangat mengharapkan kehidupan yang baik di kalangan manusia bermula daripada proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Namun, jika dilihat secara terperinci tujuan tersebut mungkin tidak akan tercapai sekiranya peranan Pendidikan Islam diabaikan. Lantaran, Pendidikan Islam sangat memberikan penekanan terhadap aspek ilmu, amalan dan penghayatan, sesuai dengan Falsafah Pendidikan Islam. iaitu :⁸

“Pendidikan Islam adalah suatu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al Quran dan al Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat”

⁷ Kementerian Pelajaran Malaysia. 2002. *Buku Sukatan Pelajaran KBSM Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur. DBP : 5

⁸ Ibid : 7

1.1 PERNYATAAN MASALAH

Berasaskan kandungan kurikulum mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah-sekolah hari ini, iaitu meliputi strategi, teknik, kaedah dan peruntukan waktu yang ada, seolah-olah telah memberikan harapan yang tinggi kepada masyarakat tentang keberkesanan dan keupayaan Pendidikan Islam tersebut yang menjadi subjek khusus dalam mendidik dan membimbing para pelajar supaya menjadi '*insan kamil*' yang menyerlah dari aspek sakhsiah dan akhlak serta disiplin yang baik, bukan hanya sekadar di alam persekolahan malah meliputi persekitaran mereka, seperti yang tercatat dalam matlamat Pendidikan Islam itu sendiri :⁹

“Pendidikan Islam adalah untuk menghasilkan Muslim yang berilmu, beriman, berketrampilan, beramal soleh, beradab dan berakhlak mulia berdasarkan al Quran dan al Sunnah sebagai hamba dan khalifah Allah yang bertakwa dan menyumbang kepada tamadun bangsa dan negara”

Oleh itu, jika dilihat kepada huraian matlamat Pendidikan Islam di atas, jelas menunjukkan bahawa disiplin pelajar mampu ditingkatkan dari satu tahap ke satu tahap yang tinggi melalui didikan dan peraturan agama. Sifat agama (Islam) sentiasa menjadikan syari^cat sebagai dinding dalam menghadapi sesuatu cabaran dan dugaan dalam hidup.¹⁰

Walau bagaimanapun, kenyataan sebenar tentang masalah disiplin di kalangan pelajar-pelajar di sekolah menengah kebangsaan hari ini, seolah-olah menampakkan suatu yang bercanggah dengan tujuan Pendidikan Islam tersebut. Umum mengetahui,

⁹ Ibid : 11

¹⁰ Muhamad Abdullah. 2000. Perlanggaran Disiplin Pelajar. (Kertas Kerja) UKM.Bangi : 4

masalah disiplin pelajar sebenarnya telah lama wujud dan menjadi perhatian semua pihak. Meskipun pada suatu masa dahulu masalah tersebut lebih banyak melibatkan pihak sekolah sahaja, tetapi pada masa sekarang ini, masalah disiplin di kalangan pelajar telah menjadi satu wabak yang menular ke seluruh tempat dan melibatkan banyak pihak.

Isu tentang disiplin pelajar menjadi topik hangat dan sering diperkatakan ekoran berlakunya beberapa kes jenayah dan salah laku yang melibatkan pelajar. Dahulu masalah disiplin yang wujud hanyalah berkisar tentang ponteng kelas, melawan guru, mencuri, bergaduh dan sebagainya, tetapi akhir-akhir ini telah melibatkan banyak kes-kes jenayah berat. Kebanyakan laporan yang sering didedahkan dalam akhbar-akhbar tempatan menampakkan perlunya masalah kemerosotan disiplin pelajar ditangani dengan sewajarnya. Apatah lagi dewasa ini banyak berlaku perkara negatif terutama di kalangan remaja yang majoritinya adalah pelajar sekolah menengah dalam lingkungan usia 13 hingga 20 tahun. Bahkan isu ini menjadi tumpuan perbincangan pelbagai lapisan masyarakat. Bahkan ia menjadi antara topik perbincangan utama yang sering disiarkan di akhbar-akhbar tempatan sejak november 1991.

Antara kes yang menjadi isu utama ialah, *Kes Disiplin Salah Laku Pelajar* (Berita Harian : 14.06.1993), *Remaja Hilang* (Berita Harian : 05.05.1993), *Jenayah Juvana* (Berita Harian : 14.05.1993), *Kes Penyalahgunaan Dadah* (Utusan Malaysia : 09.03.1994), *Menangani Kes Rogol* (Utusan Malaysia : 23.01.1993), *Remaja Sebagai Pembawa AIDS dan HIV* (Utusan Malaysia : 23.11.1993), *Budaya Lepak* (Utusan Malaysia : 16.11.1993) *Pelajar Menghadapi Tekanan Mental* (Utusan Malaysia : 11.10.1993)¹¹

¹¹ Mohamad Ihsan. 1994. Penganalisan dan Perangkaan Disiplin Mengenai Kes Salah Laku Pelajar. Kertas Kerja Seminar Pendidikan. Johor Bharu : 4.

Persoalannya sekarang, apakah peraturan yang disediakan di sekolah-sekolah telah mendatangkan kesan atau apakah pengajaran yang disampaikan juga tidak mampu membuahkan hasil yang diharapkan? Lebih parah lagi apabila wujud suatu kecenderungan di kalangan masyarakat untuk mempersoalkan kemampuan dan keupayaan pelajaran agama¹² di sekolah-sekolah dalam usaha membentuk keperibadian yang kukuh dan kebal di kalangan pelajar daripada serangan dan pengaruh pelbagai unsur negatif.¹³

Demikianlah hebatnya fenomena keruntuhan disiplin di kalangan pelajar masa kini yang bukan hanya melanda di sesebuah negeri sahaja di Malaysia, tetapi berlaku di setiap negeri termasuklah negeri Perlis yang terletak di utara semenanjung tanah air. Terdapat banyak kes-kes seumpama itu yang melanda pelajar-pelajar sekolah menengah kebangsaan di negeri Perlis yang sehingga ke saat ini berbagai peraturan dan undang-undang telah dilaksanakan oleh pihak yang bertanggungjawab, namun masih tidak mampu menyelesaikannya secara total. Kes salah laku pelajar ini telah dibuktikan melalui laporan Kementerian Pelajaran Malaysia pada 08 Februari 2005.

¹² Pelajaran Agama yang dimaksudkan ialah mata pelajaran Pendidikan Islam yang diajar di sekolah-sekolah, meliputi bidang-bidang ; Tilawah al Quran dan Hadis, Ulum Syariah dan Pembelajaran Adab Berteraskan Akhlak Islamiyah. (Penyelidik)

¹³ Seringkali didapati, melalui kenyataan-kenyataan umum yang memberi komen serta ulasan terhadap Pendidikan Islam khususnya yang berkaitan dengan peranan mata pelajaran Pendidikan Islam yang disajikan di pusat-pusat pengajian seperti di sekolah-sekolah, yang mana kebanyakan pendapat dan pandangan tersebut bersifat negatif yang melambangkan ketidakupayaan bidang tersebut dalam menangani *problem* yang berlaku terutama terhadap pembentukan disiplin dan pemupukan akhlak serta pemahaman tentang budaya kehidupan. Antara ungkapan dan kenyataan yang kerap ditemui ialah; “*pendidikan Islam tidak membawa kesan terhadap perubahan sikap pelajar*” (Berita Harian : mei 2005), “*mata pelajaran pendidikan Islam sukar dipraktikkan oleh pelajar*” (Utusan Malaysia : mac 2004), “*mata pelajaran pendidikan Islam kurang diminati pelajar*” (Utusan Malaysia : april 2005), “*Penilaian semula perlu dibuat terhadap mata pelajaran pendidikan Islam*” (Haria Metro : april 2006), “*Mampukah pendidikan Islam berperanan menghadapi globalisasi?*” (Dewan Siswa : oktober 2005), “*Keruntuhan disiplin pelajar ; apakah peranan pendidikan Islam ?*” (Harian Metro : ogos 2005), “*Generasi pelapis terancam ; mampukah pelajaran agama Islam membentuk keperibadian kukuh ?*” (Harian Metro : Julai 2005), “*Pendidikan Islam ; pemangkin masyarakat hadhari*” (al Islam : September 2006). Secara lebih jelas, hal tersebut dibincangkan dalam bab 5 melalui topik “*Isu-isu Disiplin Pelajar di Negeri Perlis*”. (Penyelidik)

Antara jenis-jenis kesalahan yang dilaporkan ialah kesalahan jenayah, lucah, kemas diri,¹⁴ tidak pentingkan masa, kurang sopan, musnah atau *vandalisme*,¹⁵ tidak jujur, ponteng, nakal, kes politik dan lain-lain. Berdasarkan laporan yang dikeluarkan terdapat sebanyak 199,135 pelajar melakukan berbagai-bagai kesalahan mengikut kategorinya. Manakala di negeri Perlis sahaja, jumlah pelajar sekolah menengah yang melakukan kesalahan seperti di atas ialah seramai **2325** orang¹⁶ Data lengkap dinyatakan melalui Jadual 1.1 di bawah :

LAPORAN JUMLAH KES KATEGORI SALAH LAKU BAGI PELAJAR-PELAJAR

Bil	Jenis Kesalahan	Bil. Terlibat
1	Jenayah	208
2	Lucah	66
3	Kemas Diri	161
4	Penting Masa	342
5	Kurang Sopan	454
6	Musnah	23
7	Tidak Jujur	23
8	Ponteng	708
9	Nakal	66
10	Politik	0
	Jumlah	2325

¹⁴ Dimaksudkan dengan ‘kemas diri’ ialah, meliputi penampilan secara luaran bagi seseorang pelajar seperti berpakaian rapi, bersih tubuh badan dan sentiasa menjaga kebersihan diri.

¹⁵ Kalimah ‘*vandalisme*’ – dari kata dasar *vandal* yang membawa erti ‘perosak’, manakala ‘*vandalisme*’ pula diertikan sebagai ; “ seseorang yang suka merosakkan harta benda awam ”

¹⁶ Mengikut rekod semasa, yang dikeluarkan oleh Unit Hal Ehwal Murid ; Jabatan Pelajaran Negeri Perlis (Penyelidik).

Jadual 1.1 : Jenis-jenis kesalahan disiplin dan jumlah pelajar yang terlibat dari 01.01.2005 hingga 31.12.2005¹⁷

Jumlah salah laku pelajar dalam Jadual di atas menunjukkan bahawa bilangan pelajar sekolah-sekolah menengah kebangsaan di negeri Perlis yang terlibat dengan kes-kes tersebut berada pada tahap yang serius.

Oleh itu, berdasarkan kepada kenyataan tersebut, satu kajian yang khusus terhadap peranan Pendidikan Islam dalam meningkatkan disiplin pelajar di sekolah-sekolah menengah perlu dilakukan secara empirikal kerana gejala keruntuhan disiplin pelajar mempunyai hubungan yang erat dengan masalah sosial yang membawa kepada permasalahan negara. Di samping itu, segala permasalahan yang sering dikaitkan dengan pengajaran mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah-sekolah menengah hari ini menuntut agar satu kajian menyeluruh diadakan, supaya pelaksanaan proses Pendidikan Islam yang telah beroperasi di sekolah menengah selama ini mampu menangani permasalahan yang dihadapi sekarang.

Lebih jauh dari itu, penyelidik juga akan berusaha mengkaji apakah pelaksanaan mata pelajaran Pendidikan Islam selama ini memberikan kesan positif terhadap perubahan akhlak pelajar dan mampu membentuk disiplin pelajar yang cemerlang serta dapat menghindari dari segala amalan negatif seperti yang diketahui umum. Ekoran itu, bolehkah dikatakan bahawa peranan Pendidikan Islam mampu mencorakkan sikap pelajar supaya menjadi seorang insan yang berpendirian kukuh (jati diri) dengan mengamalkan segala suruhan Allah tanpa mengabaikan tuntutan duniawi.

¹⁷ Laporan kategori kesalahan disiplin pelajar sekolah-sekolah menengah kebangsaan negeri Perlis pada tahun 2005. Sumber, Unit Hal Ehwal Murid Sektor Pembangunan Kemanusiaan Jabatan Pendidikan Perlis.

1.2 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk melihat keberkesanan pengajaran dan pembelajaran matapelajaran Pendidikan Islam terhadap pelajar-pelajar Islam di sekolah-sekolah menengah kebangsaan negeri Perlis,¹⁸ bersesuaian dengan matlamat dan objektif yang sedia ada seperti yang terkandung dalam kurikulum Pendidikan Islam itu sendiri. Secara khususnya objektif kajian ini adalah untuk :

1. Menganalisis proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah-sekolah menengah kebangsaan, sama ada ia berjaya menarik minat pelajar ataupun tidak.
2. Mengenalpasti hubungkait antara mata pelajaran Pendidikan Islam dengan kepatuhan ajaran agama dan peningkatan disiplin pelajar.
3. Mengenalpasti peranan guru-guru Pendidikan Islam dalam meningkatkan disiplin pelajar.

1.3 PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan objektif di atas, kajian ini akan menjawab persoalan yang berikut :

¹⁸ Disamping itu, penyelidik berkeyakinan hasil kajian yang dillaksanakan akan menjadi petunjuk dan pedoman dalam menganalisis permasalahan yang berkaitan dengan disiplin di sekolah-sekolah seluruh Malaysia. Sememangnya ia mempunyai persamaan dengan situasi sekolah-sekolah di seluruh negara tentang tahap pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan. (Penyelidik)

- 1.3.1 Apakah persepsi pelajar terhadap pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah kebangsaan ?
- 1.3.2 Apakah kesan pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam terhadap pembentukan dan peningkatan disiplin pelajar sekolah-sekolah menengah kebangsaan di negeri Perlis ?
- 1.3.3 Adakah wujud hubungan antara mata pelajaran Pendidikan Islam dengan penghayatan akhlak Islamiyah yang mampu membentuk disiplin pelajar ?
- 1.3.4 Apakah punca dan sebab-sebab, masih terdapat pelajar sekolah menengah kebangsaan yang tidak berdisiplin walaupun telah mengikuti mata pelajaran Pendidikan Islam ?
- 1.3.5 Adakah mata pelajaran Pendidikan Islam yang diajar di sekolah menengah kebangsaan selama ini mempunyai kelemahan dari aspek sukatan pelajaran, peruntukan masa dan peranan guru Pendidikan Islam ?
- 1.3.6 Adakah kemerosotan disiplin pelajar pada hari ini mempunyai kaitan dengan mata pelajaran Pendidikan Islam atau pun berpunca dari faktor-faktor lain ?
- 1.3.7 Bagaimanakah persepsi pelajar-pelajar tingkatan lima sekolah menengah kebangsaan di negeri Perlis terhadap guru-guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah mereka ?

Persoalan kajian tersebut akan membantu penyelidik menjalankan kajian yang berkesan serta memperoleh keputusan yang tepat. Dapatan kajian nanti akan dianalisis

dan dapat dinilai oleh semua pihak berkaitan proses pelaksanaan Pendidikan Islam di sekolah menengah kebangsaan serta hubungannya dengan peningkatan disiplin pelajar.

1.4 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini juga mempunyai kepentingan bersama di antara penyelidik dan pihak yang berkepentingan dalam Kementerian Pelajaran. Di samping itu, dapat memberikan gambaran sebenar kepada masyarakat umum tentang peranan mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah serta kaitannya dengan permasalahan disiplin yang melanda pelajar pada hari ini.

Kajian ini juga akan menjadi alat untuk melihat dan mengukur keberkesanan mata pelajaran Pendidikan Islam yang telah lama dipraktikkan di sekolah-sekolah menengah kebangsaan.

Selain daripada itu, diharapkan dapat memberi sumbangan kepada penyediaan dan permurnian sukatan pelajaran dalam membentuk strategi pelaksanaan oleh pihak yang terlibat secara langsung dengan mata pelajaran Pendidikan Islam. Antaranya ialah, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri (JPN), Pentadbir dan guru-guru Pendidikan Islam di sekolah-sekolah menengah kebangsaan.

Seterusnya kajian ini akan berusaha menjawab tentang pendapat dan pandangan umum yang menyatakan pelaksanaan mata pelajaran Pendidikan Islam kurang memberi kesan yang positif kepada pembentukan dan peningkatan disiplin pelajar. Di samping itu, akan berusaha meleburkan beberapa permasalahan yang sering dianggap oleh kebanyakan masyarakat berhubung dengan keupayaan ajaran Islam itu sendiri dalam

menangani sebarang permasalahan disiplin pelajar yang timbul. Hasilnya nanti akan dapat memberikan suatu perbandingan dan keterangan yang jelas tentang kemampuan ajaran Islam dalam menghadapi fenomena keruntuhan disiplin pelajar.¹⁹

Akhirnya, hasil daripada kajian ini akan dapat membantu pihak Kementerian Pelajaran, terutama Bahagian Pendidikan Islam dan Moral dalam usaha mengembangkan kaji selidik terhadap matapelajaran Pendidikan Islam. Dengan adanya penyelidikan secara imperikal, diharapkan hasilnya akan dapat memberikan input yang positif ke arah kemantapan pelaksanaan mata pelajaran Pendidikan Islam di negara ini.²⁰

1.5 REKA BENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian ini berasaskan kepada ‘*ex post facto*’²¹ yang sangat relevan dengan aspek yang dikaji, iaitu menganalisis dan menilai proses pelaksanaan mata pelajaran Pendidikan Islam dan kesannya terhadap disiplin pelajar melalui kaedah-kaedah serta penglibatan pihak-pihak tertentu.


Selain itu, reka bentuk kajian ini sangat mudah untuk mengenal pasti punca dan akibat sesuatu permasalahan berdasarkan peristiwa yang telah berlaku. dan selalunya ia bersifat kuantitatif. reka bentuk *ex post facto* juga adalah satu cara mengumpul data dan memperoleh keputusan bersesuaian dengan kehendak kajian. (lihat rajah 1)

¹⁹ Hal ini dapat dilihat dengan jelas daripada hasilan yang telah diterbitkan, seperti buku-buku, journal, artikel, majalah, latihan ilmiah dan kertaskerja seminar. Kebanyakan pengkaji sebelum ini merumuskan secara menyeluruh tanpa memfokuskan kepada secara khusus terhadap lokasi kajian tertentu. (Penyelidik)

²⁰ Menurut Fakhur Rozy (1992), kekurangan penyelidikan berkaitan matapelajaran Pendidikan Islam menjadi salah satu sebab mengapa pelaksanaannya kurang memberi kesan, walaupun pada asasnya kurikulum Pendidikan Islam mempunyai matlamat yang luhur dan murni. Lihat, Fakhur Rozy Dalimunte. 1992. Metode Riset Dalam Pendidikan Islam. Sumatra Utara. IAIN : 24

²¹ “*Ex post facto*” – bermaksud “selepas fakta”, iaitu fakta yang ingin dikaji telah berlaku dan tidak dapat dimanipulasi, disamping itu ia menggunakan data skunder seperti rekod statistik bergantung kepada rekod sedia ada. Kebanyakan kajian sains sosial adalah berbentuk *ex post facto*, kerana kesukaran memanipulasi pemboleh ubah yang telah berlaku. Mohamad Najib Abdul Ghafar.1999. *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai. UTM. ; 52

Reka Bentuk Kajian



Rajah 1.1 : Organisasi reka bentuk kajian mengikut tahap dan kaedah yang sesuai sehingga tercapai objektif yang diharapkan .

1.6 BATASAN KAJIAN

Setiap penyelidikan yang dilakukan, perlu ditentukan batasan kajian yang meliputi faktor geografi seperti lokasi kajian serta responden yang dipilih. Lokasi kajian ini ialah, negeri Perlis yang terletak di utara semenanjung Malaysia.

Penyelidik memilih negeri Perlis sebagai lokasi kajian adalah berasaskan kepada faktor-faktor berikut ;

- i. Berdasarkan rekod kesalahan disiplin pelajar didapati negeri Perlis mempunyai rekod kesalahan yang agak tinggi meliputi kesalahan-kesalahan tingkah laku, vandalisme dan jenayah. Ini berasaskan kepada laporan kes salah laku pelajar yang dinalisis oleh Kementerian Pelajaran

Malaysia pada tahun 2005 sebanyak 2325 pelajar, manakala pada 2006 meningkat kepada 5331. Ini menunjukkan, dalam masa dua tahun pertambahan jumlah meningkat sebanyak 3006 pelajar yang terlibat dengan kesalahan perlanggaran disiplin iaitu peningkatan melebihi 200 peratus.

- ii. Disepanjang tinjauan penyelidikan melalui kajian-kajian lalu, belum ada satu kajian pun yang melibatkan negeri Perlis sebagai lokasi kajian terutama dalam mengkaji tentang peranan Pendidikan Islam dan permasalahan disiplin pelajar. Kebanyakan pengkaji sebelum ini lebih tertumpu di negeri-negeri seperti Selangor, Perak, Pulau Pinang, Terengganu, Johor, Kelantan dan lain-lain.
- iii. Hasil pemerhatian penyelidik sebelum melakukan kajian, mendapati kebanyakan kes-kes kesalahan disiplin yang melibatkan pelajar di negeri Perlis terutama di sekolah-sekolah menengah kebangsaan semakin meningkat. Berdasarkan perbincangan penyelidik dengan pegawai bahagian hal ehwal murid JPN Perlis, menyatakan terdapat sekolah tidak melaporkan bilangan pelajar yang terlibat dengan kes-kes kesalahan disiplin dengan tepat demi menjaga imej atau nama baik sekolah. bahkan terdapat beberapa sekolah yang tidak langsung melaporkan kes-kes berat seperti jenayah dan sebagainya kepada pihak JPN.

Terdapat 24 buah sekolah menengah kebangsaan di negeri tersebut yang terdiri daripada empat jenis atau kategori sekolah, iaitu sekolah menengah harian (19 buah), sekolah menengah berasrama penuh (1 buah), sekolah menengah teknik dan vokasional (2 buah) dan sekolah menengah kebangsaan agama (2 buah).

Daripada sekolah-sekolah yang dinyatakan di atas, penyelidik menetapkan lokasi kajian adalah di sembilan buah sekolah menengah kebangsaan dalam kategori sekolah harian. Pelajar-pelajar yang terlibat sebagai responden ialah mereka yang sedang menuntut di tingkatan lima.

Penyelidik memilih pelajar-pelajar tingkatan lima dipilih sebagai responden kerana mereka telah lama mengikuti subjek Pendidikan Islam, iaitu selama enam tahun di sekolah rendah dan lima tahun di sekolah menengah. Selain daripada itu, mereka bakal menduduki peperiksaan SPM dan pastinya akan melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi ataupun menceburi kerjaya tertentu. Secara langsung, akan terlibat dengan kehidupan harian dalam masyarakat umum.

Untuk melaksanakan kajian yang terarah, penyelidik menyediakan satu set soal selidik sebagai alat kajian. Skop kajian ini berasaskan kepada batasan-batasan yang berikut :

- 1.6.1** Penyelidik akan memusatkan kajian terhadap pelajar beragama Islam yang berada di tingkatan lima tahun 2006.
- 1.6.2** Perkara utama yang diberi tumpuan ialah kesan pelaksanaan proses pengajaran mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah kebangsaan, dengan memberi penekanan khusus terhadap masalah disiplin pelajar.
- 1.6.3** Mendapatkan persepsi pelajar tentang hubungan mata pelajaran Pendidikan Islam dengan amalan harian mereka.
- 1.6.4** Melihat dan menganalisis persepsi pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam dan hubungannya dengan peningkatan disiplin.

1.7 DEFINISI ISTILAH KAJIAN

1.7.1 Pendidikan

Menurut *International Dictionary of Education* (1977), pendidikan ialah suatu proses yang membentuk *ability* dan sikap manusia. Ini adalah suatu proses sosial yang menyebabkan seseorang memperoleh keyakinan dan pertumbuhan individu melalui suatu keadaan yang dipilih dan dikawal daripada institusi seperti sekolah atau kolej.

Manakala *The New Encyclopedia Britannica* (1995) pula mendefinisikan pendidikan sebagai suatu disiplin yang berurusan dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran di sekolah serta persekitarannya. Dari segi bahasa, pendidikan boleh diertikan sebagai pertumbuhan, pemeliharaan, pengasuhan dan penyuburan, yang membawa erti suatu kegiatan yang dilakukan oleh seseorang terhadap manusia lainnya.²²

Secara umumnya, menurut Hassan Langgulung (1990), pendidikan dalam ertinya yang luas bermakna sebagai proses merubah dan memindahkan nilai kebudayaan kepada setiap individu dan masyarakat. Proses tersebut melalui berbagai cara, antaranya ;²³

- i. Perpindahan melalui pengajaran.
- ii. Proses latihan, iaitu membiasakan diri melakukan pekerjaan tertentu untuk memperoleh kemahiran.
- iii. Proses induktrinasi, iaitu proses yang melibatkan seseorang mencontohi atau mengikuti apa yang dibuat atau diperintahkan oleh orang lain.

²² Abdul Kadir Hj.Ismail. 1974. *Prinsip-prinsip Pendidikan*. Kota Bharu, Kelantan. PAP :1 – 5.

²³ Hassan Langgulung. 1990. *Beberapa Pemikiran Tentang Pendidikan Islam*. Bandung. PT al Maarif : 66

Berdasarkan definisi pendidikan yang diutarakan sama ada daripada pandangan barat ataupun Islam, masih boleh dikatakan sebagai ungkapan yang hampir senada. Dalam kajian ini, pendidikan diertikan sebagai usaha, latihan dan bimbingan rohani, jasmani, akhlak dan sosial yang berkait rapat dengan keilmuan untuk melahirkan manusia yang baik dan sempurna serta mendapat kebahagiaan abadi di dunia dan akhirat. Justeru itu, dapatlah dibahagikan pengertian pendidikan kepada dua, iaitu pendidikan umum dan pendidikan khusus. Pendidikan umum ditakrifkan sebagai segala pengaruh fizikal, biologi, akhlak dan sosial yang membentuk aliran individu dan negara. Sementara itu, pendidikan khusus pula adalah pengaruh yang disusun dan dicipta oleh ahli pendidik, sekolah, kolej dan institusi pendidikan lain.²⁴

Oleh itu, dalam hubungan ini secara ringkasnya pendidikan boleh difahami sebagai suatu keperluan utama dalam kehidupan bagi melahirkan individu berilmu, berakhlak mulia dan dapat menyumbang ke arah kemakmuran negara serta melahirkan masyarakat yang berdisiplin dan sentiasa menginsafi diri .

1.7.2 Islam

Islam berasal daripada bahasa Arab iaitu dalam bentuk *masdar* daripada kata kerja (*Fi'il*) ; .. اسلم , يسلم , اسلاما .²⁵

Manakala di dalam *Da'irah al-Ma'arif al-Islamiyyah*, Islam dinyatakan sebagai ;²⁶

الاسلام , الخضوع والاستسلام .

“ Islam bererti tunduk dan menyerah / penyerahan diri ”

²⁴ Harun Din & Sobri Salomon.1980. *Masalah Pendidikan Di Malaysia*. Kajang. Sincere Press :12

²⁵ Lihat Kamus, *Munjid al-Tullab*. 1986. Beirut. Maktabah al-Sharqiyyah. Dar al-Mashriq : 333

²⁶ Lihat ^cAbdul Hamid Yunus. tt. *Da'irah al-Ma'arif al-Islamiyyah* (1). Cairo. Dar al-Sha^cb. ; 341.

Al-Imam al-Nawawy di dalam sharh *sahih Muslim* mengulas tentang Islam ;²⁷

" الإسلامُ وهو الإستِسْلَامُ وَالْإِنْقِيَادُ الظَّاهِرُ "

“ Islam ialah menyerah dan patuh (kepada Allah) yang dapat dilihat secara lahiriah ”

Hamaidi (1981) mentakrifkan kata Islam dengan berbagai erti, antaranya ialah :²⁸

- i. Menyerah diri, iaitu menyerah diri kepada kehendak Allah. Maka seorang Muslim merupakan orang yang menyerah dirinya kepada Tuhan dengan mematuhi segala perintah dan laranganNya.
- ii. Damai, iaitu Islam adalah agama yang membawa perdamaian bagi umat manusia.
- iii. Selamat, yang bermaksud setiap manusia akan dijamin keselamatannya di dalam agama Islam di dunia dan akhirat.

Selanjutnya Maududi (1970), mengatakan bahawa, “*Islam is an Arabic word, and connotes submission, surrender and obedience*” yang membawa maksud Islam itu bererti tunduk, menyerah dan taat. Sementara itu, Khurshid Ahmad memberikan ulasan tentang pengertian tersebut melalui catatannya sebagai berikut ;²⁹

“ *Another literal meaning of the word ‘Islam’ is ‘peace’ and this signifies that one can achieve real peace of body and of mind only through submission and obedience to Allah. Such life of obedience brings in peace of the heart and establishes real peace in the society at large* ”

Menurut Said Hawa pengertian yang dipetik melalui kitab al Quran dalam beberapa ayatnya, Islam ialah agama yang dibawa oleh Rasul-rasul dan Nabi-nabi sejak dari Nabi Adam sampailah kepada Nabi Muhammad s.a.w, yang membawa *syari'at*

²⁷ Lihat al-Nawawy tt. *Sahih Muslim bi Syarh al-Nawawiyy*. Cairo. al-Matba'ah al-Misriyyah ; 150

²⁸ Tatapangarsa, Humaidi 1981. *Kuliah Aqidah Lengkap*. Surabaya. Bina Ilmu : 29

²⁹ Lihat, Sayyid Abu 'Ala al Maududi. 1970. *Toward Understanding Islam*. Lahore. I.I.F.S.O. : 2

untuk seluruh umat manusia pada setiap zaman dan diakui sebagai agama yang diterima disisi Allah.³⁰ Sesuai dengan firman Allah :



"sesungguhnya agama yang benar di sisi Allah ialah Islam"
(QS 3 : 19)

Manakala dari segi *syara'*, '*al-Islam*' ialah wahyu Allah swt kepada RasulNya dan tidak harus disamakan dengan pengertian agama menurut fahaman umum. Oleh itu, Islam merupakan "*al-Din al-Samawiy*" yang menepati fitrah manusia, merangkumi semua aspek kehidupan yang menyentuh persoalan dunia dan akhirat, kebendaan dan kerohanian, individu dan masyarakat, rumahtangga dan negara, '*ulama*' dan '*umra*' serta segala yang mencakupi kehidupan manusia seluruhnya.³¹

1.7.3 Pendidikan Islam .

Menurut istilah bahasa Arab pendidikan disebut sebagai "التربية" yang membawa erti ; tumbuh, berkembang dan memelihara.³² Apabila perkataan "التربية" diistilahkan sebagai satu analogi, ia bermaksud sebagai ; "menjaga dan memelihara sifat-sifat semula jadi kanak-kanak serta memupuk bakat dan kebolehan yang wujud dalam diri mereka dengan dorongan secara beransur-ansur agar berkembang mengikut kematangan yang dilaluinya".

³⁰ HAMKA.1986. *Falsafah Hidup*. Jakarta. Pustaka Panjimas : 5

³¹ Muhammad Hamdullah. 1969. *Introduction To Islam*. Kuwait. I.I.F.S.O.

³² Muhammad Fadil al-Jamaly. 1967. *Tarbiyyah al-Insan al-Jadid*. Tunisia. Tunisiyyah Littauziy^c : 62

Berdasarkan kepada beberapa istilah yang telah dinyatakan, kebanyakan para ahli dalam Pendidikan Islam telah sepakat memberikan maksud perkataan " رب " dalam ayat ; " الحمد لله رب العلمين " bahawa Allah swt bersifat sebagai pendidik.³³

Zawawi (1984) mengulas mengenai Pendidikan Islam sebagai suatu proses yang berterusan untuk menjaga dan memelihara pembesaran tubuh badan dan pertumbuhan bakat manusia dengan rapi supaya mereka dapat lahir sebagai orang yang berilmu dan baik dari segi tingkah laku serta dapat mengekalkan nilai-nilai budaya di kalangan masyarakat.³⁴

Dalam bahasa Inggeris perkataan pendidikan disebut sebagai “*Education*” yang berasal daripada perkataan Latin, iaitu “e, ex” yang membawa maksud “*memimpin*”. Kedua-dua perkataan ini digabung menjadi satu, disebut sebagai “*education*” dan istilah tersebut dapat dihuraikan sebagai berikut :

*“ The external process of superior adjustment of the physically and mentally developed, free conscious human being to god as manifested in the intellectual, emotional and volitional environment of man ”*³⁵

Umumnya, Pendidikan Islam telah banyak didefinisikan oleh tokoh-tokoh Pendidikan Islam, seperti Abdullah Ulwan (1980) yang mentakrifkan Pendidikan Islam atau *al- tarbiyyah al-Islamiyyah* sebagai suatu ikatan terhadap kanak-kanak sejak mereka berakal dengan asas-asas iman. Kemudian membiasakan dengan rukun-rukun

³³ “pendapat umum sering mentakrifkan perkataan tersebut sebagai *pentadbir alam seluruhnya*, tetapi ia juga diertikan sebagai “*yang mendidik alam ini*.”. Ibid. : 97

³⁴ Lihat Zawawi Hj.Ahmad 1984. *Pendidikan Islam ; Kaedah dan Teknik Pengajaran*. Kuala Lumpur. Percetakan Eskoh Sdn Bhd. : 3 – 5

³⁵ Harman H.Hone. tt. *The Philosophical Aspect of Education*. New York. Mac Milan. : 176

Islam dan mengajar mereka tentang asas-asas *syari'at* ketika mereka dapat membezakan antara yang baik dan yang buruk.³⁶

Dalam kajian ini, Pendidikan Islam ditakrifkan sebagai satu matapelajaran yang diajar di sekolah-sekolah menengah kebangsaan mengikut kesesuaian sukatan pelajaran yang disediakan oleh Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia. Pendidikan Islam mendukung hasrat mulia negara bagi menyediakan pendidikan bertaraf dunia kepada generasi masa kini dan masa akan datang. Penyemakan semula kurikulum memberi penekanan kepada nilai-nilai murni dan semangat patriotik bagi menyedarkan pelajar akan peranan dan tanggungjawab mereka sebagai warga negara maju dan masyarakat berilmu. Kandungan kurikulum Pendidikan Islam sekolah menengah dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu ;

- i. Bidang Pembelajaran Tilawah al Quran dan Hadis
- ii. Bidang Pembelajaran 'Ulum Syar'iyah
- iii. Bidang Pembelajaran Adab Berteraskan Akhlak Islamiah

1.7.4 Peningkatan Disiplin

Secara umumnya perkataan disiplin sering dikaitkan dengan kepatuhan dan ketaatan terhadap sesuatu peraturan samada yang bersifat khusus ataupun umum. Disiplin diukur berdasarkan sejauhmana seseorang itu mampu mengawal dirinya dalam menghadapi keadaan-keadaan tertentu, iaitu mematuhi atau melanggar peraturan yang sedia ada.³⁷

³⁶ c Abdullah Nasih c Ulwan. 1980. *Tarbiyyah al-awlad fi al-Islam*. Beirut. Dar al- Salam : 155

³⁷ David. P. Austbel. 1998. *A New Book at Classroom Descipline in Effect for The Teacher and Educational*. London. Longman : 13

Menurut Kamus Dewan (1996), disiplin bermaksud latihan pemikiran dan kelakuan supaya boleh mengawal diri sendiri dan patuh pada peraturan, iaitu peraturan yang ditetapkan untuk melatih seseorang supaya berkelakuan baik. Contohnya ; ‘Guru Besar akan mengambil tindakan terhadap pelajar yang melanggar disiplin’. Selain itu, disiplin juga diterjemahkan sebagai suatu kepatuhan kepada peraturan yang ditetapkan. Contohnya ; ‘mereka sentiasa menunjukkan disiplin yang baik untuk menjaga nama baik sekolah’. Di samping itu, pengertian disiplin dikaitkan dengan hukuman atau denda kerana melanggar peraturan yang ditetapkan. Contohnya ; ‘tindakan disiplin akan dikenakan terhadap pemandu bas yang tidak cermat’.³⁸ Di sekolah pula, disiplin adalah peraturan yang ditetapkan ke atas pelajar-pelajar dengan tujuan untuk mengawal tingkah laku mereka dengan mengenakan hukuman atau ganjaran. Takrif disiplin ini memberikan gambaran bahawa, sekiranya sesuatu peraturan yang dibuat tidak dipatuhi, maka ia dikatakan melanggar disiplin.³⁹

Manakala menurut Boyson R. disiplin sekolah adalah cara bagaimana sesebuah sekolah diurus bagi memastikan kebanyakan pelajar-pelajarnya menghormati faedah yang maksimum melalui pembelajaran serta melatih mereka menjadi orang dewasa.⁴⁰

Peningkatan disiplin pula, membawa maksud perubahan yang dialami oleh para pelajar khususnya berkaitan dengan tingkah laku mereka setelah mengikuti matapelajaran Pendidikan Islam. Peningkatan disiplin juga meliputi aspek kesanggupan dan ketaatan pelajar terhadap setiap peraturan, baik di sekolah ataupun di luar sekolah. Jelasnya, peningkatan disiplin pelajar bererti adanya suatu bentuk pengawalan yang

³⁸ Kamus Dewan. 1986. Edisi Baru (Cet ; 5). Kuala Lumpur. DBP : 308 -309

³⁹ Abdullah Sani Yahaya.2005. *Mengurus Disiplin Pelajar*. Bentong,Pahang. Publications & Distributors.

⁴⁰ Lihat Boyson R. 1973. *Order an Purpose in B.Turner* (ed). *Dicipline In Rows and Classrooms Groups*. *Educational Psychology*. Vol 3 London. George Allen & Unwin Ltd : 93-105.

dibina secara sistematis melalui peraturan-peraturan yang berasaskan kepada nilai-nilai suci.⁴¹

Dalam hal ini, bila berbicara tentang disiplin sememangnya tidak dapat lari daripada permasalahan akhlak. Justeru itu, kajian ini tetap menghubungkan antara peningkatan disiplin dengan akhlak pelajar.⁴²

Manakala, masalah disiplin pula menurut Yaacob (1996), adalah merupakan pelbagai bentuk dan jenis salah laku yang dilakukan oleh pelajar-pelajar, iaitu dari jenis salah laku yang ringan sehinggalah kepada yang kesalahan berat. Maksudkan kesalahan ringan ialah seperti, merokok, ponteng sekolah, mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran. Kesalahan berat pula ialah seperti penyalahgunaan dadah, memeras ugut, merompak, vandalisme, mengancam ketenteraman awam dan sebagainya.⁴³

Berkaitan dengan itu, penyelidik akan meninjau kesan pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam terhadap perubahan dan peningkatan disiplin pelajar, iaitu merangkumi ;⁴⁴

- i.** kepatuhan terhadap Allah ;
- ii.** kepatuhan terhadap diri sendiri ;⁴⁵
- iii.** kepatuhan terhadap keluarga ; dan
- iv.** kepatuhan terhadap masyarakat.

⁴¹ Muhamad Abdullah. 2000. *Perlanggaran Disiplin Pelajar*. (Kertas Kerja) UKM. Bangi : 4

⁴² Pengertian dan takrif tentang disiplin, dibincangkan dengan lebih terperinci dalam bab 2. (Penyelidik)

⁴³ Lihat, Yaacob Isa.1996. *Almanak Pendidikan*, Kuala Lumpur. Berita Publishing Sdn.Bhd.

⁴⁴ Kementerian Pelajaran Malaysia. 2002. Bahagian Jabatan Pendidikan Islam dan Moral. *Buku Panduan Pendidikan Islam : Tingkatan 5*. Kuala Lumpur. DBP : 4

⁴⁵ Dimaksudkan dengan 'kepatuhan terhadap diri sendiri' ialah ; sentiasa mengawal diri daripada melakukan perkara-perkara yang boleh mendatangkan kemudaratan dan kerosakan akal, pemikiran dan tingkahlaku. Seseorang itu hendaklah menjadikan agama sebagai benteng mempertahankan kemuliaan diri. Ibid : 5